

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. ADHAM BIN BABA
[TENGGARA]**

TARIKH : 15 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 34

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengikut daftar Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), berapa jumlah bidang dan kursus yang ditawarkan setakat ini di seluruh Institusi Pengajian Tinggi serta bidang atau kursus apakah yang telah digantikan dengan bidang yang menepati dan memenuhi keperluan kehendak industri terkini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Seksyen 81 Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 (Akta 679) memperuntukkan Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) mengadakan dan menyenggarakan satu daftar kebangsaan iaitu Daftar Kelayakan Malaysia atau *Malaysian Qualifications Register* (MQR) yang mengandungi kelayakan yang dianugerahkan oleh Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dan diakredit di bawah Akta tersebut. MQR merupakan sumber rujukan dan panduan berkaitan program pendidikan tinggi yang telah diakreditkan dan dianugerahkan oleh PPT sama ada dari dalam atau luar negara.

Pihak MQA mengkategorikan bidang pengajian sesuatu program berdasarkan *National Education Code* (NEC). NEC merupakan manual yang dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai sumber rujukan untuk mengklasifikasikan bidang pendidikan dan latihan di Malaysia.

Sehingga 27 September 2019, terdapat sebanyak 14,123 program atau kelayakan disenaraikan dalam MQR yang merangkumi 25 bidang spesifik (*narrow field*). Lima (5) bidang spesifik dengan bilangan tertinggi penawaran program adalah seperti berikut:

1. *NEC 340 - Business and Administration* : 3,025 program.
2. *NEC 520 - Engineering and Engineering Trade* : 2,624 program.
3. *NEC 480 - Computer* : 1,419 program.
4. *NEC 720 - Health (Broad Programme)* : 1,104 program.
5. *NEC 140 - Teacher Training & Education Science (Broad Programme)*: 1,078 program.

Manakala jumlah program untuk 20 bidang yang lain adalah sebanyak 4,873 program.

Pihak Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) melaksanakan pelbagai penambahbaikan dan pengemaskinian program berdasarkan keperluan semasa dan bidang program yang ditambah baik tersebut masih kekal dalam kategori NEC yang sama. MQA juga telah memperkenalkan Kerangka Penawaran Program Hibrid dalam usaha menyokong elemen *transdisciplinary* dalam *Higher Education 4.0*. PPT boleh mereka bentuk program pengajian yang dinamik dan mampu menarik minat industri dalam konteks kebolehpasaran graduan. Di bawah Kerangka ini PPT boleh menawarkan program pengajian yang menggabungkan dua atau tiga bidang tanpa sebarang komponen dominan oleh mana-mana bidang sekurang-kurangnya 50 peratus.

Dari segi akreditasi, MQA menjalankan penilaian Akreditasi berdasarkan Kod Amalan Akreditasi Program (*Code of Practice for Programme Accreditation, COPPA*). COPPA menekankan agar:

1. Penawaran program pengajian perlu dibuat berdasarkan analisis keperluan (*need assessment*) dan kajian pasaran.
2. Pembentukan silibus program perlu mendapat input daripada pakar akademik dan industri termasuk pemakaian Standard Program sekiranya berkaitan.
3. Kurikulum sentiasa dipantau melalui Audit Pematuhan (sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 5 tahun) yang melibatkan pakar-pakar daripada akademik dan industri.

Sekian, terima kasih.